



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Subject Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**  
Semester & Year : January – April 2017  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students’ Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

**Total Number of pages = 13 (Including the cover page)**

BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS**

**Petikan (i)**

*Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Api Amarah**

Kadangkala kita perlukan amarah  
untuk menegakkan kebenaran  
dan memperoleh kemenangan.

Sering kali amarah itu  
membakar dapur diri  
setelah maraknya tidak terkawal  
hingga kawan menjadi lawan.

Amarah api kebencian  
jangan kau unggun menjadi marak  
kelak menyambar rumahmu  
tidak tertolong oleh sesiapa pun.

*Oleh : Mohd Helmi Ahmad*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **membakar dapur diri**? **(2m)**
2. Berdasarkan puisi di atas, apakah pesanan yang dititipkan oleh penulis? **(4m)**
3. Pada pendapat anda, berikan **DUA (2)** cara untuk meredakan perasaan marah? **(4m)**

## Petikan (ii)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Globalisasi boleh diertikan sebagai dunia tanpa sempadan akibat kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan berlakunya aliran barangan, perkhidmatan, idea dan maklumat secara bebas antara negara tanpa sekatan. Walaupun globalisasi banyak menyumbang kepada kebaikan, terdapat juga beberapa kesan buruk yang perlu diketahui. Antaranya, globalisasi menyebabkan pencemaran budaya. Budaya liar dari Barat telah disebarkan melalui internet dan televisyen satelit. Budaya ini tidak ditapis sehinggakan mempengaruhi golongan remaja yang mudah terikut lalu meruntuhkan nilai-nilai moral dalam diri mereka. Budaya Barat akan mendominasi kehidupan generasi muda dan akhirnya budaya Timur sedikit sebanyak akan terhapus. Kehilangan nilai-nilai moral dalam kehidupan akan membinasakan sesuatu tamadun. Selain itu, globalisasi memberikan impak negatif terhadap bahasa kebangsaan di Malaysia. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu semakin dipinggirkan. Penggunaan bahasa Melayu pada masa sekarang ibarat **melepaskan batuk di tangga**. Bahasa Inggeris lebih diutamakan terutama di institusi pengajian swasta. Kesannya, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar menjadi kurang baik. Seterusnya, kesan globalisasi juga telah menyebabkan penyalahgunaan teknologi. Hal ini akan membahayakan manusia seperti teknologi nuklear yang boleh mencipta senjata nuklear dan seterusnya meninggalkan kesan sampingan lain. Contohnya, apabila berlakunya kebocoran tenaga nuklear yang membahayakan manusia. Teknologi juga memudahkan kerja-kerja pengintipan yang dilakukan oleh negara-negara maju melalui satelit untuk mendapatkan maklumat-maklumat negara musuh mereka. Malahan negara-negara Barat mempunyai peluang dan kesempatan untuk menjajah kembali negara-negara yang mempunyai masalah huru-hara politik. Penduduk dunia disarankan lebih berhati-hati dan bersedia dengan segala kemungkinan akibat globalisasi. Namun begitu, kebijaksanaan manusia menghadapi globalisasi akan memberikan manfaat yang banyak dalam kehidupan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **melepaskan batuk di tangga**? **(2m)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **DUA (2)** kesan globalisasi? **(4m)**
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk membendung keruntuhan akhlak akibat globalisasi? **(4m)**

## SOALAN 2 – TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. mencanting
- II. menconteng
- III. mencantas
- IV. mencampak
- V. mencerna

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Cikgu Szali telah memberikan keterangan yang jelas tentang profesyen sebagai pakar motivasi.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Pragawati itu telah membeli losen berjenama terkenal untuk dihadahi kepada ibunya.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Abang berbaring di sofa kerana meletihkan setelah pulang daripada menjaja ais krim.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Kebanyakan stesyen radio menyiarkan lagu-lagu hari raya menjelang bulan Syawal yang akan tiba beberapa hari lagi.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Kerajaan mengingati ibu bapa supaya lebih perihatin terhadap anak-anak mereka.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

(10 markah)

**SOALAN 2** : **SOALAN ESEI (30 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

### **KARANGAN**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

#### **SOALAN 1**

Dewasa ini, masyarakat menghadapi kenaikan kos hidup yang kian mendesak. Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menangani masalah ini.

#### **SOALAN 2**

Penggunaan laman sosial seperti 'Facebook', 'Twitter' dan sebagainya semakin popular pada masa ini. Bincangkan keburukan laman sosial terhadap masyarakat.

#### **SOALAN 3**

"Bersatu Teguh Bercerai Roboh" boleh menjadi amalan berguna untuk menentukan kejayaan sesebuah negara. Berikan pandangan anda terhadap pernyataan di atas.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**